

# Najib dakwa Tun M jadi kambing hitam

Sinar Harian - 18/11/2019

m/d: 4

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad dijadikan kambing hitam oleh rakan politiknya sendiri berikutan kekalahan calon Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai kelmarin.

Dalam hantaran Facebook-nya, Najib berkata, situasi yang berlaku adalah sama seperti apa yang berlaku kepada Pas semasa parti itu bersama dalam Pakatan Rakyat (PR).

Saya jangka DAP akan mulakan langkah mereka untuk mengkambinghitamkan PM (Perdana Menteri) ketujuh sebagai punca utama kekalahan (calon PH) PRK Tanjung Piai.

"Habis madu sepah dibuang. Ini adalah sama seperti apa yang terjadi ke atas Pas semasa mereka bersama dalam Pakatan Rakyat," tulisnya sambil memberitahu bahawa sikap DAP tidak pernah berubah.

Hantaran tersebut mendapat lebih 1,000 komen dan 11,000 tanda suka.